



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
PERSIDANGAN PERTUBUHAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

LOKASI / TARIKH / MASA
The Klana Hotel, Seremban/ 3 JULAI (ISNIN) / 4.15 PTG

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan berkatNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam Majlis Perasmian Persidangan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kebangsaan 2023.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan tertinggi kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat kerana mengundang saya untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan PPDK Kebangsaan hari ini. Ucapan tahniah dan syabas khususnya kepada JPOKU dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan atas kejayaan program ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) adalah sesuatu yang sangat dekat di hati saya. Justeru, pada hari ini, saya merasa bangga kerana dapat hadir bersama dengan warga PPDK seluruh Malaysia.
4. PPDK sebelum ini dikenali sebagai PDK atau "*Community Based Rehabilitation*" (CBR), dimulakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Perjalanan kita bermula pada tahun 1984, di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berkerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) untuk menjalankan Projek Perintis PDK di Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu yang telah melibatkan 55 orang pelatih OKU.

5. Program PDK ini berkembang pesat dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat sehingga sekarang. Akhirnya pada tahun 2018, PDK telah ditubuhkan sebagai PPDK di bawah Akta Pertubuhan 1966.
6. Sehingga April 2023, terdapat 564 buah PPDK di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada 18,760 OKU dan 5,144 penyelaras dan petugas. Dengan jumlah PPDK yang banyak ini, saya yakin tanggungjawab dan tugas pengerusi dan ahli jawatankuasa PPDK semakin mencabar dan memerlukan idea dan pengurusan yang lebih baik dan sistematik.
7. Saya berharap persidangan ini memberi peluang luas kepada puan-puan dan tuan-tuan untuk mendapatkan maklumat, berkongsi idea dan pandangan, serta menetapkan matlamat seiring dengan tema persidangan iaitu **Ke arah Kemandirian dan Kelestarian Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)**. Kami berharap PPDK ini dapat menjadi sebuah pertubuhan yang berdiri sendiri dan dikelola oleh sukarelawan yang benar-benar komited dalam membantu golongan OKU.
8. Objektif persidangan pada kali ini adalah:
 - 8.1 Memperkasakan konsep kesukarelaan dalam kalangan jawatankuasa PPDK;
 - 8.2 Perkongsian maklumat dan pengalaman dalam meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan PPDK; dan
 - 8.3 Mendapatkan Resolusi Persidangan PPDK yang bernas dalam hala tuju pemerkasaan PPDK.
9. JKM sentiasa berusaha untuk memperkuatkan dan menonjolkan peranan PPDK sebagai entiti yang berdiri sendiri dalam menjalankan program pemulihan komuniti sejak 2018.
10. Ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian pintar antara agensi kerajaan dan organisasi masyarakat sivil bagi memberi khidmat kepada lebih ramai OKU, termasuk latihan kemahiran, pemulihan, dan penjagaan.
11. Kerajaan percaya bahawa setiap rakyat, termasuk OKU, perlu diberikan peluang yang sewajarnya untuk mengembangkan potensi mereka dan membangun masyarakat yang progresif, inklusif, dan penyayang. Oleh itu, Kerajaan akan terus meningkatkan kesedaran hak OKU kepada masyarakat untuk mengurangkan rintangan.

12. Kerajaan juga menjalankan penilaian berterusan perundangan, dasar dan inisiatif sedia ada melalui komunikasi terbuka dan kajian semula.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENDAFTARAN OKU

13. Berdasarkan statistik **Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), sehingga 31 Mei 2023, sejumlah 654,270 OKU telah berdaftar dengan JKM.**
14. Angka ini masih jauh rendah berbanding dengan laporan unjuran oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mendapati lebih kurang 10 -15% daripada rakyat sesebuah negara terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) adalah tertakluk kepada Akta OKU 2008 (Akta 685) dan ia dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial.
15. Terdapat 30 keistimewaan yang diberikan kerajaan kepada OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di antaranya adalah:
 - i. Kemudahan bantuan kewangan/alat tiruan kepada OKU yang layak serta perkhidmatan institusi.
 - ii. Bantuan kewangan pelajar OKU dan bantuan kewangan program pendidikan khas di politeknik/ kolej komuniti.
 - iii. Kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan.
 - iv. Pengecualian bayaran rawatan perubatan bagi wad kelas 3 dan bayaran pakar dan bayaran ubat di hospital kerajaan.
 - v. Pengecualian bayaran Pasport Malaysia untuk perjalanan ke luar negara.
 - vi. Pengecualian cukai jalan dan lesen kenderaan motor serta kemudahan pengangkutan awam.
 - vii. Meningkatkan peluang pekerjaan OKU dengan mewujudkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 16/2010: Dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU dan Perkhidmatan pendaftaran pekerjaan secara atas talian.
 - viii. Dan pelbagai kemudahan lain yang boleh dinikmati apabila OKU berdaftar dengan JKM.
16. Saya faham, ada di kalangan ibu bapa yang masih tebal dengan stigma malu atau rendah diri jika mempunyai anak-anak yang cacat atau kurang upaya. Namun sebagai ibu bapa, walau bagaimana keadaan fizikal dan mental anak-anak yang dilahirkan, ini adalah anugerah Allah S.W.T. dan seharusnya mereka juga diberi peluang untuk menikmati kehidupan sebaik mungkin serta diberi layanan melalui manfaat yang disediakan pelbagai pihak.

17. Saya juga berharap, puan-puan dan tuan-tuan serta semua warga PPDK di seluruh Malaysia dapat membantu kerajaan untuk menyebarkan kepada masyarakat di luar sana tentang pentingnya untuk mendaftarkan OKU dan membantu mereka untuk mendaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP

18. Saya percaya, program yang dijalankan pada hari ini akan diteruskan pelaksanaannya dengan melibatkan negeri-negeri lain di seluruh negara. Saya berharap usaha yang berterusan ini dapat membantu rakyat, serta golongan OKU khususnya bagi mendapatkan perkhidmatan tanpa diskriminasi.

19. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada penganjur dan warga JKM yang membantu menjayakan program-program memperkasa OKU dalam pemulihan, pembangunan, dan pengintegrasian dalam komuniti.

Semoga Tuhan sentiasa memberkati usaha kita.

Dengan takzim dan rendah diri, dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan

PERSIDANGAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) PERINGKAT KEBANGSAAN 2022.

Sekian, terima kasih.